

Belanja RM1,200 sehari untuk beli dadah

KOSMO 16/2/09 M153

KUALA LUMPUR - Asalnya dia berbelanja RM50 untuk membeli dadah tetapi apabila dorongan ketagihan itu memuncak, seorang bekas penagih boleh menghabiskan sehingga RM1,200 sehari.

Bagi bekas penagih yang hanya mahu dikenali sebagai Nazman, (bukan nama sebenar), duit sudah menjadi hal kedua-penting kerana pada masa itu dunianya adalah dadah seperti syabu dan ketamin.

"Kalau saya tak dapat 'ubat' (dah)..apa benda pun saya tak boleh buat. Sampai tahap nak tengok televisyen atau baca suratkhbar pun kena hisap dulu," jelasnya di sini semalam.

Nazman, 34, mengaku selepas sedekad menagih, dia kini sudah benar-benar berasa bebas.

Menurutnya, pada awal penglibatannya, kos membeli dadah sedikit tetapi ia meningkat selepas dia memerlukan dos yang lebih banyak dan kerap.

"Sewaktu berusia 23 tahun, saya bergaul dengan golongan yang lebih berusia dan mereka semua hisap. Ketika itu, kehadiran saya di kalangan mereka seolah-olah tidak 'diiktiraf'.

"Jadi saya mula cuba menghisap dan lepas tu barulah mereka anggap saya sebagai kawan dan masuk kumpulan," katanya.

Penglibatan anak kelahiran Sarawak yang pernah bekerja sebagai pegawai di sebuah agensi kerajaan itu bagaimanapun terbongkar apabila didapati memiliki satu gram dadah dan dikenakan denda RM1,600.

Dia gagal menjelaskan denda dan sebagai akibatnya, Nazman dipenjarakan selama empat bulan.

Kini dia telah menjadi seorang kaunselor di Rumah Pengasih untuk membantu dan membimbing individu lain yang menghadapi masalah dadah atau



NAZMAN dan Johari (kiri) menceritakan pengalaman hitam terjebak dadah ketika ditemui di Rumah Pengasih, Kuala Lumpur semalam.

telah terjebak dalam alam penagihan.

"Kesan syabu atau ketamin cukup bahaya sampai boleh menjadikan seseorang itu gila.

"Saya pernah lihat rakan menyuntik syabu ke dalam salur darahnya dan kejang hampir dua jam," katanya.

Seorang lagi bekas penagih yang hanya dikenali sebagai Johari (bukan nama sebenar) mengaku ketagih ganja semasa di sekolah berasrama penuh sebelum 'naik taraf' kepada ketamin.

"Masa itu saya berusia 15 tahun, bila umur 18 tahun saya sudah tahu apa dia syabu.

"Keadaannya saya semakin tenat sampai hilang kerja dan saya tidak mampu

untuk membayar sewa dan akhirnya terpaksa keluar dari rumah," ceritanya.

Johari, 24, kemudian hidup merempat di kawasan pembinaan di Damansara Damai dan melakukan pelbagai kerja termasuk mencuri semata-mata untuk mendapatkan modal untuk membeli syabu.

"Waktu itu saya perlukan sekurang-kurangnya RM100 tiap hari untuk beli satu paket syabu. Setelah enam bulan hidup merempat, saya akhirnya menghubungi keluarga dan beritahu mereka keadaan saya tenat," jelasnya.

Dia kemudian dihantar ke Rumah Pengasih untuk menjalani proses pemulihan.